



AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 18 BILANGAN 15 RABU 11HB. APRIL, 1973. رابو 8 ربيع الاول 1393 PERCHUMA

Tenaga manusia yang terlatah menarek pelabor2 dlm dan luar negeri

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pemangku Pengerusi Lembaga Bandaran, Bandar Seri Begawan, Ag. Selamat b. Munap berkata, bahawa menurut pengalaman sa-bahagian daripada negara2 yang membangun di-rantau Asia dan Timor Jauh durongan yang paling menarek kapada pelabor2 tempatan dan luar negeri bukan-lah pasaran tempatan atau kadar gaji buroh yang murah tetapi yang penting ia-lah daya pengeluaran serta potensel latehan tenaga manusia di-sa-sebuah negara itu.

Awang Selamat bin Munap membuat kenyataan demikian semasa merasmikan sukan tahunan ke-tujuh Sekolah Menengah Melayu SMJA di-padang sekolah tersebut hari Ahad lepas.

Awang Selamat berpendapat badan buroh yang murah tetapi tidak terlatah dan disamping itu pemalas dan tidak berdisiplin serta sukar untuk di-lateh bukan-lah tenaga manusia yang produktif dan sa-benar-nya ada-lah satu faktor yang burok sekali yang mengancam perkembangan sektor persendirian di-bidang pertanian, perindustrian dan sa-umpama-nya.

Beliau menjelaskan kerana tenaga manusia yang bersifat sa-demikian tidak akan dapat memberi sumbangan yang chukop kapada produktif sa-sebuah negara dan oleh yang demikian tidak akan menggalakkan pelabor2 tempatan dan luar negeri untuk menanam modal di-dalam-nya.

Oleh yang demikian kata-nya, satu rancangan kemajuan yang berstrategikan perkembangan sektor persendirian akan tumbang disebabkan oleh badan buroh-nya yang tidak dinamik dan produktif yang akhir-nya negara-nya itu juga akan di-timpa oleh kemiskinan dan kemundoran yang akan membawa penderitaan kapada seluruh raayat-nya.

Bagaimana pun oleh kerana Rancangan Kemajuan Negara
(Lihat Muka 8)

Tayangan filem 'Perawan Buta'

BANDAR SERI BEGAWAN. — Persatuan PERTIWI akan mengadakan tayangan wayang gambar "PERAWAN BUTA" untuk tabong pembinaan Stadium.

Tayangan itu akan di-adakan di-Pangpong Boon Phang Baharu di-Bandar Seri Begawan pada 16hb. April — hari Isnin mulai pukul 7.15 malam.

Sa-orang juruchakap PERTIWI menyatakan bahawa hanya tiket2

BEKALAN AYER DARI LAYONG AKAN DI-SIAPKAN LEBEH AWAL

LAYONG, TUTONG. — Kerajaan DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan sedang giat dan akan terus melaksanakan usaha2 untuk mengurangkan kesusahan orang ramai, walau pun terpaksa mengeluarkan perbelanjaan yang besar.

Di-antara usaha2 yang sedang giat di-laksanakan ia-lah tentang masaalah kekurangan bekalan ayer di-negeri ini, khas-nya pada sa-tiap tiba-nya musim kemarau.

Projek bekalan ayer Layong di-Tutong yang terbantut pembinaannya dalam tahun lalu, pada masa ini sedang giat di-kerjakan oleh Sharikat Pemborong Swee ia-itu sharikat yang baru, bagi menyambong kerja2 pembinaan itu.

Pemangku Setia Usaha Kerajaan, Yang Berhormat Dato Paduka

bagi kelas istimewa atau "circule" sahaja yang akan di-jual dengan harga \$10.00 satu, sementara tiket2 bagi kelas2 khas, kelas satu dan dua di-jual dengan harga yang biasa.

Penaong Pertunjokkan itu ia-lah Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Muda Sufri Bolkiah.

Kutipan dari pertunjokkan itu nanti akan di-dermakan kapada tabong pembinaan stadium.



D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan sedang membuka tirai batu peringatn perasmian pembukaan Loji Gas Asli Chechair di-Lumut.

SHARIKAT2 YG. BESAR SAPERTI LNG DI-HARAP MEMBERIKAN LATEHAN2 KAPADA RAAYAT

LUMUT. — D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan menyeru sharikat2 perusahaan dan perdagangan yang besar di-negeri ini supaya memberikan sumbangan2 yang berkesan lagi bernilai dalam waktu Negeri Brunei mengator langkah dan melaksanakan rancangan pembangunannya yang baru sekarang ini.

Titah Baginda, sharikat2 yang besar saperti Sharikat Gas Asli Chechair Lumut tentu menyedari akan hasrat Baginda untuk melateh raayat terutama di-kalangan belia2 untuk memberikan mereka kemahiran dan pengalaman dalam berbagai2 bidang pekerjaan.

Baginda yakin bahawa langkah ini akan membolehkan raayat Baginda tampil memikul beban2 pembangunan negara yang di-minati dan sa-terusnya berkemahuan serta berkesanggupan untuk memberikan sumbangan yang positif lagi giat.

Bertitah ketika merasmikan pembukaan Loji Gas Asli Chechair Lumut pada hari Rabu lepas, Baginda berharap akan ramai lagi pekerja2 tempatan di-ambil berkhidmat di-semua perangkat pekerjaan dalam sharikat2 yang besar saperti LNG itu dan memberikan latehan2 yang perlu untuk membolehkan mereka menajadi pekerja2 yang berkemahiran.

Ini juga akan membolehkan raayat Baginda berganding bahu untuk membantu sa-chara berkesan terhadap perkembangan dan kemajuan sharikat2 itu khusus-nya dan amnya kapada negara dalam tahun2 yang penoh chabaran ini.

Baginda mengingatkan bahawa kepentingan negara hendaklah di-ambil ingatan dan segala tindakan2 yang di-laku-

(Lihat muka 8)

Awang Haji Abdul Aziz, pagi malam telah mengadakan lawatan singkat ka-projek bekalan ayer di-Layong itu dengan di-temani oleh Pengarah Kerja Raya, Yang Berhormat Dato Seri Laila Jasa Awg. Haji Talib bin Derwish.

Pemangku Setia Usaha Kerajaan di-beri tahu bahawa projek itu di-jadukan siap sa-lewat2-nya dalam bulan Julai ini, tetapi beliau meminta supaya projek itu hendaklah di-siapkan lebeh awal dari waktu yang di-jangkakan itu untuk mengatasi kekurangan bekalan ayer yang amat membimbangkan sekarang.

Ka-arah ini, beliau mengarahkan supaya sistem kerja terus menerus dengan di-bantu oleh jentera2 dan perkakas2 yang di-perlukan hendaklah di-adakan.

Beliau juga mengarahkan Jabatan Kerja Raya supaya membekalkan jentera2 dan perkakas2 yang di-perlukan itu bagi mempercepatkan pembinaan projek bekalan ayer di-Layong itu.

Kerajaan, kata-nya, tidak akan teragak2 melancarkan usaha2 yang berpatutan demi kepentingan raayat negeri ini, apa lagi dalam soal kehidupan.

Sementara itu, beliau memuji atas kesabaran dan ketabahan raayat negeri ini pada menghadapi masaalah kekurangan ayer.

(Lihat muka 8)

TITAH D.Y.M.M. PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN DI-UPACHARA MERASMIKAN KILANG LNG

PADA majlis yang amat bersejarah lagi berbahagia ini yang di-susun khas untuk merasmikan pembukaan Kilang Gas Asli Chechair LNG Brunei, Beta mengucapkan shukor kahadharat Allah Subhanahu-Wataala kerana dengan rahmat dan hidayat yang di-perturumkan kapada kita semua, bukan sahaja pada melaksanakan majlis yang permai ini tetapi lebeh2 lagi pada menjayakan projek yang sungguh hebat serba-serbi-nya ini.

Beta dengan perasaan yang tulus ikhlas mengucapkan sa-tinggi2 terima kasih kapada Ketua Pengurus dan ahli2 sharikat ini atas jemputan dan ingatan baik kapada Beta. Dengan jemputan ini dapat-lah Beta berpeluang untuk melihat dengan lebeh dekat lagi bagi kilang yang besar ini dan dapat juga bagi Beta bertemu dengan pegawai2 sharikat ini dalam mereka melaksanakan pekerjaan dan tugas masing2.

Ada-lah menjadi kebanggaan kapada Beta dan juga Beta perchaya kebanggaan bagi seluruh raayat Beta untuk mengetahui bahawa Kilang Gas Asli Chechair yang dapat kita lihat bersama2 hari ini ada-lah merupakan kilang gas asli chechair yang paling besar di-dunia pada hari ini. Sejak beberapa tahun sudah berkembangannya perindustrian minyak petroleum di-dunia ini, Negeri Brunei sungguh pun negeri yang kechil dengan pengeluaran minyak yang tidak begitu besar berbanding dengan pengeluaran2 di-negeri2 lain telah berupaya untuk mendirikan kilang yang begitu rupa berasaskan pada hasil2 penyelidikan dan pengalaman teknologi minyak di-merata dunia.

Beta juga sukachita mendengar bahawa rancangan ini telah dapat di-laksanakan dengan bantuan dan sumbangan yang boleh di-katakan berupa antara bangsa dan telah pun di-akui baru2 tadi bahawa sedikit sa-banyak Kerajaan dan kaki-tangan Kerajaan Beta telah memainkan peranan yang bukan sedikit pula makna-nya pada perkembangan dan pembangunan kilang ini. Beta sa-penoh-nya berharap semoga pembinaan kilang yang sungguh besar yang sudah sempurna ini akan menandakan pula kejayaan chemerlang sharikat ini dalam usaha2 pengeluaran-nya di-waktu2 yang akan datang dan akan membawa kemakmoran yang bertambah2 kapada negeri ini am-nya. Ada-lah menjadi keyakinan Beta sejak awal2 dulu bahawa kejayaan perusahaan besar seperti ini akan dapat memberikan kesan yang besar paras-nya pada usaha2 pembangunan Kerajaan Beta tegas-nya, usaha2 untuk memperkukuhkan lagi kedudukan ekonomi negara dan seterusnya mempertingkatkan taraf hidup raayat serta menentukan penerusan suasana keselamatan dan ketenteraman dalam negeri.

Sharikat Gas Asli Chechair yang besar ini barang sudah tentu memainkan peranan yang sesuai dengan chita2 negara yang mendukong-nya. Dalam tahun2 yang akan datang ini terutama-nya dalam waktu Negeri Brunei mengator langkah dan melaksanakan Rancangan Pembangunan yang baru, ada-lah sa-penoh-nya di-harapkan supaya sharikat2 perusahaan dan perdagangan yang besar seperti sharikat ini akan memberikan sumbangan yang berkesan lagi bernilai dalam berbagai2 bidang dan perengkat

ranchangan itu nanti. Sa-bagai satu mithalan Beta perchaya bahawa sharikat ini menyedari akan hasrat Beta untuk melateh raayat Beta terutama-nya di-kalangan belia2 demi memberikan mereka kemahiran dan pengalaman dalam berbagai2 bidang pekerjaan bagi membolehkan raayat Beta tampil memikul beban2 pembangunan negara yang di-minati dan seterusnya berkemahuan serta berkesanggupan untuk memberikan sumbangan yang positif lagi giat.

Beta dengan itu sukachita melihat di-waktu2 yang akan datang lebeh ramai lagi pekerja2 yang terdiri dari anak2 tempatan2 di-ambil untuk ber-

khidmat di-semua perengkat pekerjaan dalam sharikat besar seperti ini, di-beri latehan untuk membolehkan mereka menjadi pekerja2 yang berkemahiran serta boleh berganding bahu membantu sa-chara berkesan perkembangan dan kemajuan sharikat ini khusus-nya dan negara am-nya terutama dalam tahun2 yang penoh chabaran yang akan di-hadapi ini.

Sempena majlis yang permai ini Beta berseru kapada semua sharikat2 perusahaan dan perniagaan di-negeri ini supaya memberikan sumbangan yang jujur lagi berkesan beramai2 terhadap rancangan kemajuan yang sedang di-susun dan akan di-laksanakan oleh Kerajaan

Beta. Kepentingan2 negara hendak-lah di-ambil ingatan dan segala tindakan2 yang di-lakukan hendak-lah menurut haluan yang sehat yang sama kita tuju.

Dengan itu sa-belum Beta merasmikan pembukaan Kilang Gas Asli Chechair ini Beta sekali lagi mengucapkan terima kasih kapada sharikat ini dan Beta juga memberikan tahniah sa-tinggi2-nya kapada semua pekah yang telah menjayakan pembinaan kilang yang besar ini.

Dengan mendahului Bismillahirrahmaanirrahim, Beta dengan sukachita-nya merasmikan pembukaan Kilang Gas Asli Chechair Brunei pada hari yang berbahagia ini.

Perkhidmatan X-Ray di-teruskan

TEMBURONG. — Kempen menchegeh Batok Kering di-Daerah Temburong yang di-jadualkan berakhir dalam minggu lalu terpaksa di-teruskan sa-hingga 13hb. April ini.

Pegawai Pelawat Kesihatan Batok Kering bagi Daerah2 Brunei-Muara, Tutong dan Temburong, Yang Amat Mulia Pengiran Lela Perkasa, Pengiran Md. Said bin Pengiran Jaya Negara, Pengiran Haji Abu Bakar menyatakan bahawa pengunduran tarikh itu ada-lah bagi memberi peluang kapada penduduk2 yang belum berkesempatan untuk menjalani pemeriksaan Sinaran-X atau X-Ray.

Beliau bersabda bahawa di-sekitar Daerah Temburong, maseh ramai lagi penduduk2 yang belum menjalani pemeriksaan Sinaran-X itu.

Yang Amat Mulia itu bersabda bahawa hampir ka-seluruhan kampung2, termasuk sekitar pedalaman di-daerah itu telah di-kunjongi oleh perkhidmatan Sinaran-X bergerak, dan hampir tiga suku dari penduduk2 Temburong telah pun di-X-Ray.

Beliau menyeru penduduk2 yang berumur 14 tahun ka-atas di-daerah itu yang belum berX-Ray supaya datang ka-Pekan Bangar untuk menjalani pemeriksaan tersebut dan peluang itu hanya di-bukakan sa-hingga 13hb. April ini.



D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei ketika bertitah sa-belum merasmikan Kilang LNG pada hari Rabu lepas.



Pertemuan singkat sa-belum kempen menchegeh batok kering di-mulakan di-Daerah Temburong pada 5hb. Mach lepas di-antara (dari kanan) Pegawai Daerah Temburong,

Awg. Sidek bin Yahya; Yang Amat Mulia Pg. Lela Perkasa Pengiran Mohd. Said; Dr. Raja Gopal; Dr. Haji Johar bin Haji Nordin dan Awang Chua Kong Seng.

YANG Amat Berhormat Pemangku Menteri Besar Brunei di-dalam majlis melan-charkan usaha2 menyediakan Rancangan Kemajuan Negara yang baru di-Dewan Banderan pada 27hb. Mach, 1973 antara lain telah bersabda:

"Bagi faedah hadhirin semua pada pagi ini, juga pegawai2 kerajaan yang lain, wakil2 sektor persendirian dan orang ramai, saya ingin menerangkan Rancangan Kemajuan Negara yang baru agar sa-tiap orang di-negeri ini akan dapat memahami sa-dalam2-nya dan menghargai sa-tinggi2-nya akan tujuan dan matalamat2 rancangan yang baru dan dengan itu dapat-lah nanti masing2 tampil dengan shor2 dan chadangan2 bagi projek2 dan program2 yang akan di-masokkan ka-dalam rancangan dan juga dasar serta perubahan2 lain yang di-perlukan untuk membawa perlaksanaan yang berkesan lagi lichin terhadap rancangan tersebut. Sa-benar-nya satu2 rancangan kemajuan ada-lah tidak lebeh dari satu kenyataan rasmi akan hasrat dan chita2 sa-sebuah negeri dan satu chetak biru akan tindakan2 dalam satu jangka waktu bagi memenohi hasrat dan chita2 tadi. Dengan sebab itu-lah saya yakin bahawa lebeh ramai lagi raayat dan penduduk negeri

Raayat di-bawa untok menyertai penyusunan Rancangan Kemajuan Negara yang baru



KHUTBAH JUMA'AT

Shor2 dan chadangan2 yang membina dari raayat ada-lah di-alu2kan untok menjayakan rancangan tersebut.

ini turut serta dalam menyediakan rancangan ini, lebeh kuat-lah lagi rancangan ini mencherminkan hasrat dan chita2 mereka bagi beberapa tahun akan datang".

Daripada sabda Yang Amat Berhormat Pemangku Menteri Besar itu jelas-lah kapada kita betapa besar-nya hasrat Kerajaan Duli Yang Maha Mulia untok membawa seluroh raayat dan penduduk negeri ini bagi menyertai penyusunan dan penyediaan Rancangan Kemajuan yang baru supaya rancangan itu akan benar2 mencherminkan hasrat dan chita2 kita yang ujud dan tim-

bul dari kita dan untok kita tanpa mengira asal usol demi untok menambahkan lagi kebahagiaan dan kepentingan bersama.

Sa-bagaimana yang kita maklum bahawa matalamat utama Rancangan Kemajuan Negara yang baru itu ia-lah untok membentok sa-buah masharakat yang kukoh serta bersatu padu dan makmor tanpa mengira rupa bangsa dan asal usol.

Tidak shak lagi bahawa usaha2 penyusunan dan penyediaan Rancangan Kemajuan itu ada-lah satu perengkat yang amat penting dalam penyusun-

an pembangunan negara kita. Dan usaha2 pembangunan itu tentu-lah tidak akan dapat di-jadikan dengan sempurna melainkan dengan ada-lah kerjasama dan usaha2 yang penoh minat dan sunggho2 dari semua perengkat raayat dan penduduk negeri ini. Allah Subhanahu-Wataala telah berfirman yang bermaksud:

"Sa-sunggho-nya Allah tidak akan mengubah apa yang terdapat kapada sa-suatu gulongan itu sa-hingga-lah mereka itu sendiri berusaha mengubah apa yang terdapat pada mereka".

Ayat Quran ini ada-lah tegas menyatakan bahawa sa-barang perubahan itu haruslah timbul dan di-timbulkan oleh kita, sa-lagi kita tidak berusaha menggunakan fikiran, ilmu, pengalaman dan tenaga yang ada pada kita sudah barang tentu perubahan tidak akan terjadi.

Oleh yang demikian kalau benar2 berkehendakan supaya pembangunan negara kita berjaya, maka dalam proses penyusunan dan penyediaan Rancangan Kemajuan Negara yang baru ini perlu-lah sa-tiap perengkat dan gulongan masharakat di-negara kita ini menyumbangkan buah fikiran yang berupa shor2 dan chadangan2 yang membina kapada Kerajaan Duli Yang Maha Mulia kapada dan menerusi jawatakuasa2 yang telah dibentok bagi maksud tersebut. Mari-lah kita sama2 berbakti kapada negara menurut daya dan kemampuan yang ada pada kita, mudah2an Allah akan memberkati dan menjayakan usaha2 kita.

JHEU akan menerbitkan Mimbar Hadith

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sempena Maulud Nabi Muhammad s.a.w. tahun ini, Jabatan Hal Ehwal Ugama sekali lagi menerbitkan buku Mimbar Hadith yang mengandungi hadith2 pilihan dan di-huraikan oleh pegawai2 di-jabatan ini. Buku itu ada-lah penerbitan yang ke-enam dalam Siri Rangkaian Islamiyah yang di-usahakan oleh jabatan tersebut dari semasa ka-semasa dan merupakan buku yang kedua dalam penerbitan hadith2 pilihan.

Kandungan sa-banyak 126 muka keluaran kali ini ia-lah hadith2 mengenai:—

Hakim Dan Kaki Tangan Awam — Memperkatakan tentang sesuatu keputusan hakim itu terbatas berdasarkan faktor2 yang zahir, di-samping di-perkatakan juga perkara2 yang penting bagi menjamin kelichinan serta keber-

sehan perkhidmatan kehakiman dan pentadbiran awam.

Indasteri — Memperkatakan indasteri dari kachamata ugama Islam yang pada umum-nya menggalakkan penyertaan umat Islam di-dalam perindasterian meskipun sa-kecil2-nya.

Belia — Khusus membincangkan masalah mencari kerja di-kalangan belia2 Brunei sekarang di mana di-tekanakan bahawa ugama ada-lah menolak sikap "pemilih" dalam mencari pekerjaan.

Tanah — Khusus membincangkan aspek2 penerokaan (membuka) tanah, membahagi2kan tanah oleh kerajaan kapada raayat, dan menyimpan tanah sa-chara pembeukuan-nya oleh pemilek2 tanah dan menyimpan-nya oleh kerajaan bagi maksud2 kepentingan awam.

Berkhatan — Mendedahkan rahsia dan hikmat bersunat sa-bagai amalan yang terpakai di-kalangan hampir semua bangsa sejak zaman berzaman.

Pendidekan — Khusus memperkatakan sifat "flexible" kanak2 sebagai asas mendidek mereka.

Kebajikan — Memperkatakan perbuatan2 yang di-sukai Allah serta amalan2 kebajikan yang pada umum-nya sedang di-laksanakan di-negeri ini.

Manusia Di-Alam Berzakh — Menyingkap chorak kehidupan manusia sa-masa mati (di-da'lam kubor) dan sa-belum di-bangkitkan sa-mula pada hari kiamat.

Akhlah — Khusus menggariskan sikap serta sifat2 yang terpuji di-sisi ugama.

Sukan Dan Olahraga — Khusus

untok menolak sangkaan sa-tengah2 orang bahawa ugama Islam tidak menggalakkan kegiatan di-bidang sukan dan olahraga.

Pertanian — Memperkatakan hadith2 yang menggalakkan-nya dan hadith2 yang di-katakan men-chela sa-tengah2 perkara di-dalam pertanian.

Buku Mimbar Hadith (2) ini di-jangka akan mula di-jual kapada orang ramai di-hari sambutan Maulud di-Bandar Seri Begawan pada 15hb. April, 1973 dengan harga \$1.00 sa-naskhah.

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dari matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 11hb. April, 1973 hingga ka-hari Selasa 17hb. April, 1973 ada-lah saperti di-bawah ini:—

Hari	Bulan	Dzohor	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Matahari Suboh Terbit
11hb.	April	12-27	3-42	6-32	7-44	4-45	4-59 6-14
12hb.	April	12-27	3-42	6-32	7-44	4-45	4-59 6-14
13hb.	April	12-27	3-42	6-32	7-44	4-45	4-59 6-14
14hb.	April	12-27	3-42	6-32	7-44	4-45	4-59 6-14
15hb.	April	12-27	3-42	6-32	7-44	4-45	4-59 6-14
16hb.	April	12-26	3-41	6-31	7-43	4-44	4-58 6-12
17hb.	April	12-26	3-41	6-31	7-43	4-44	4-58 6-12

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12-45 tengah hari.

Majalah Tafsir Darus Salam

BANDAR SERI BEGAWAN. — Majalah Tafsir Darus Salam siri yang ke-16 yang di-terbitkan oleh Jabatan Hal Ugama, Brunei sekarang sudah terbit dan mula di-jual kapada orang ramai dengan harga 50 sen sa-naskhah.

Dalam keluaran kali ini Tafsir Darus Salam mengandungi tafsir dan huraian ayat 180 hingga 186 dari surah Al-Baqarah.

Majalah tersebut boleh di-beli dari Jabatan Hal Ehwal Ugama di-semua daerah di-negeri ini.

(11hb. April, 1973).

PEKERJAAN BUMIPUTERA

DULI Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan menyeru sharikat2 perusahaan dan perniagaan di-negeri ini supaya memberikan sumbangan2 yang berkesan lagi bernilai dalam waktu Negeri Brunei sedang mengator langkah dan melaksanakan rancangan pembangunan-nya yang baru sekarang ini.

Sumbangan2 yang berkesan yang di-titahkan Baginda itu, yang paling utama ia-lah soal memberikan latihan2 kepada rakyat negeri ini, terutama di-kalangan belia2 supaya berke-mahiran dan berpengalaman dalam berbagai2 bidang pekerjaan.

Sharikat Gas Asli Chechair Lumut di-harapkan Baginda akan dapat mengambil pekerja2nya dengan lebih ramai lagi yang terdiri dari pekerja2 tempatan. Harapan ini tidak hanya di-tujukan Baginda kepada LNG sahaja, tetapi juga kepada sharikat2 yang besar lain-nya.

Sa-chara umum, Baginda mengingatkan kepada sharikat2 yang besar di-negeri ini yang mereka itu ada-lah tidak terke-luar dari tanggung-jawab2 terhadap negara. Mereka juga harus menarek perhatian terhadap kepentingan negara dan segala tindakan2 yang di-lakukan hendak-lah menurut haluan yang sehat. Haluan yang sehat yang di-maksudkan Baginda itu bukan-lah bagi menyekatkan sharikat2 itu sendiri semata2, bahkan turut sama melaksanakan usaha2 bagi menyehatkan dan menyuburkan pembangunan raayat.

Menurut hasrat rancangan pembangunan negara yang baru itu, maka di-antara perkara2 yang di-utamakan ia-lah perusahaan2 perseorangan atau private sector. Perkara ini sudah tentu akan melibatkan pelaburan2 modal di-uar dan dalam negeri bagi menggerakkan-nya dengan lebih berjaya. Dengan di-sebut luar itu, ada-lah bermaana yang datang-nya di-luar dari Brunei. Namun demikian, perkara ini tidak harus di-tafsirkan seratus peratus luar dan kita penoh yakin bahawa tafsiran2 yang demikian tidak akan ada lagi dalam zaman sains dan teknologi ini dimana hak raayat dalam sa-sa-buah negara itu ada-lah di-utamakan. Di-antara hak2 raayat yang perlu kepada peng-utamaan itu ia-lah soal memberikan latihan dan pekerjaan kepada mereka dengan chara yang benar2 berkeadilan. Ada-lah menjadi keyakinan Baginda sejak awal2 dulu bahawa kejayaan perusahaan2 besar akan dapat memberikan kesan yang besar paras-nya pada usaha2 pembangunan Kerajaan. Hal ini tidak hanya memper-kukuhkan lagi kedudukan ekonomi negara, tetapi juga mempertingkatkan hidup raayat. Dari sini ada-lah jelas yang perusahaan2 besar itu sama sekali tidak di-kehendaki mengabai2kan soal penghidupan raayat, bahkan mereka juga bertanggung-jawab bagi mempertingkatkan taraf penghidupan raayat itu.

MASAALAH KESELAMATAN JALAN RAYA

(BAHAGIAN KEDUA)

KITA telah mengetahui bahawa dalam sa-suatu kemalangan jarang sekali tidak mengakibatkan kerosakan atau kechederaan (kerosakan yang di-maksudkan di-sini termasuklah kerosakan kepada harta benda orang ramai atau kerajaan. Kechederaan termasuk samada kepada orang ramai atau binatang2 ternakan seperti lembu, kerbau dan kambing.) Jika ada kemalangan yang tidak mengakibatkan kechederaan atau kerosakan, pemandu itu tidak melakukan kesalahan dan ia tidak di-mesti-kan melaporkan-nya kepada pihak polis. Akan tetapi jika kemalangan yang berlaku itu ada menyebabkan kerosakan atau kechederaan, pemandu itu hendak-lah berhenti di-tempat itu juga, jika perlu hendak-lah memberikan bantuan dan mesti-lah melaporkan kepada pihak polis dalam tempoh 24 jam. Jika pemandu itu tidak melaporkan-nya dalam tempoh itu dia ada-lah melakukan kesalahan di-bawah undang2 lalu lintas.

Ada juga di-antara pemandu2 yang tidak berhenti apabila terlibat dalam sa-suatu kemalangan, lebih2 lagi jika kemalangan itu mengakibatkan kematian kepada orang lain. Pemandu enggan berhenti kerana takut di-serang atau di-pukul oleh orang ramai lebih2 lagi keluarga orang yang terlibat. Ada pula pemandu2 yang enggan berhenti kerana mahu mengelakkan daripada tangkapan polis. Menyentuh tentang perkara ini Yang Amat Mulia Pengiran Putera Negara Pengiran Omar menegaskan bahawa pihak polis tidak dapat memberikan nasehat mengenai perkara itu. Tugas polis ia-lah menjalankan

undang2. Jika di-dapati ada pemandu yang tidak berhenti tidak memberikan bantuan dan tidak melaporkan kepada pihak polis, maka pihak polis akan mengambil tindakan terhadap pemandu itu mengikut undang2. Jika ia di-hadapkan ka-mahkamah, ter-pulang-lah kepada Majlisret untuk mempertimbangkan samada sebab2 ia meninggalkan tempat kemalangan itu di-terima atau tidak.

Bagaimana pula jika dalam sa-suatu kemalangan sa-seorang pemandu merosakkan harta benda Kerajaan seperti tanda2 lalu lintas dan lampu isyarat? Yang Amat Mulia menerangkan, dalam hal ini pihak polis akan meminta kerjasama dari Jabatan2 yang berkenaan untuk menyelesaikan-nya. Umpama-nya, tanda2 lalu lintas ada-lah di-bawah tanggung-jawab Jabatan Bandaran dan lampu isyarat pula ada-lah di-bawah tanggung-jawab Jabatan Letrik. Jika ada kerosakan2 pada benda2 ini (di-sebabkan kemalangan), pihak polis akan minta jabatan2 tersebut menaksirkan harga kerosakan2 itu dan jika di-dalam penyiasatan polis kerosakan2 di-sebabkan oleh kelalaian atau kecuai, maka pemandu itu akan di-hadapkan ka-mahkamah kerana memandu dengan cuai dan lalai. Jabatan2 yang berkenaan oleh membuat tuntutan samada kepada pemandu itu sendiri atau kepada sharikat insurans-nya.

Berkenaan dengan teksi sapu atau teksi haram, Yang Amat Mulia itu bersabda bahawa perkara ini ada-lah satu masalah besar bagi pihak polis pada masa ini. Baru2 ini satu pindaan dalam undang2 lalu lintas telah di-luluskan oleh Majlis Mashuarat Negeri yang memberi kuasa yang lebih luas lagi kepada pihak polis. Ini termasuklah kuasa "menahan" hingga sabulan mana2 kereta yang di-shaki di-gunakan sa-bagai teksi sapu dan juga menyiasat jika di-shaki mana2 orang yang terlibat dalam perkara ini.

Perkara teksi haram ini patut di-berikan perhatian berat kerana boleh membahayakan orang ramai dan insurans2 kereta itu tidak akan melindungi penumpang2 itu jika di-gunakan sa-bagai teksi haram. Apabila sa-sebuah kereta yang di-gunakan sa-bagai teksi sapu terlibat dalam sa-suatu kemalangan dan penumpang2-nya mendapat chedera, sharikat insurans tidak akan bertanggung-jawab di-atas kechederaan itu dan jika penumpang2 itu yang terlibat itu ingin menuntut keruian di-atas kechederaan mereka dan lain2, mereka itu, mereka dapat melakukan-nya dengan mendakwa sa-chara berendirian atau "civil suit" kepada pemandu teksi haram itu.

JADUAL IV

JUMLAH ORANG2 YANG MELAKUKAN KESALAHAN JALAN RAYA

Daerah/Tahun	1967	1968	1969	1970	1971	1972	Jumlah
Daerah Brunei	1221	2387	3894	4984	4468	4454	21408
Daerah Belait	2037	2783	2601	3937	5070	5104	21532
Jumlah:	3258	5170	6495	8921	9538	9558	42940

(Dengan ikhsan Pasokan Polis Diraja Brunei)

(Dalam Jadual ini termasuklah kesalahan2 kecil seperti tidak menggunakan lampu di-waktu malam, menaruh kereta di-tempat2 yang salah dan lain2.)

Apa-kah kaitan-nya pihak polis dengan orang2 yang melakukan kesalahan2 jalan raya? Yang Amat Mulia menerangkan bahawa satu daripada tugas utama pihak polis ia-lah menjalankan undang2 dan men-jalankan orang2 yang melakukan kesalahan2 jalan raya (lalu lintas) di-negeri ini termasuklah

Kemalangan jalan raya memang tidak dapat di-hapuskan sama sekali, tetapi boleh di-kurangkan melalui berbagai2 chara. Yang Amat Mulia itu menerangkan pada masa ini pihak polis sedang bergiat dengan menambah rondaan ber-kereta dan bermotosikal. Dengan chara ini di-harap kadar kemalangan dan lain2 kesalah-



Kedua2 gambar atas dan bawah menunjukkan polis lalu lintas bermotosikal ketika menjalankan rondaan di-jalan2 raya yang sebek.



an lalu lintas akan dapat di-kurangkan. Pihak polis juga menggunakan "speed trap" di-kawasan2 yang terhad dan pemandu2 yang memandu lebih daripada yang di-hadkan akan "di-tahan" kerana melanggar peraturan lalu lintas dan di-ambil tindakan sa-lanjut-nya.

Yang Amat Mulia itu seterusnya bersabda ada-lah mustahil untuk menempatkan polis lalu lintas di-semua bahagian jalan raya kecuali jalan raya yang sebek — tempat orang ramai dan murid2 sekolah menyeberang dan tempat2 yang selalu berlaku kemalangan. Yang Amat Mulia itu mengulangi sekali lagi bahawa kebanyakan kemalangan jalan raya itu ada-lah di-sebabkan oleh pemandu2 yang kurang berpengalaman. Pihak polis tidak berkuasa untuk mengajar sa-siapa chara2 memandu tetapi apa yang dapat di-lakukan ia-lah dengan memberikan nasehat chara2 memandu yang selamat, umpama-nya melalui akhbar2 dan lain2.

Yang Amat Mulia, Pengiran Putera Negara juga memberikan sedikit sa-banyak nasehat kepada pengguna2 jalan raya. Kepada pemandu2 kenderaan, Yang Amat Mulia itu menasehatkan bahawa kenderaan yang mereka pandu itu boleh menyebabkan kechederaan atau kematian kepada diri mereka dan juga kepada orang lain jika mereka memandu dengan cuai atau tidak mematuhi peraturan

an2 lalu lintas. Oleh itu mereka mesti-lah sentiasa berwaspada mengelakkan kemalangan.

Kapada penunggang2 basikal pula, mereka harus-lah ingat bahawa mereka mesti mematuhi peraturan2 lalu lintas dan isyarat2 lalu lintas. Kebanyakan penunggang2 basikal menganggap mereka tidak perlu mematuhi peraturan2 dan isyarat2 lalu lintas seperti isyarat2 berhenti di-simpang2 jalan raya sa-belum menyeberang. Peraturan dan isyarat2 lalu lintas ada-lah untuk semua pengguna2 jalan raya dan penunggang2 basikal tidak ber-lepas dari peraturan2 dan isyarat2 ini. Di-samping itu mereka mesti-lah menentukan bahawa alat2 basikal mereka seperti brek ada-lah baik sa-belum di-gunakan. Di-waktu malam, mereka mesti-lah menggunakan lampu puteh di-sa-belah hadapan dan lampu merah di-sa-belah belakang. Undang2 lalu lintas telah pun di-ubah. Dahulu basikal hanya di-kehendaki menggunakan pancharan atau reflector di-bahagian belakang tetapi sekarang basikal mesti-lah menggunakan lampu merah.

Kapada orang2 yang berjalan kaki pula, mereka hendak-lah berjalan menghadapi kereta yang datang dari hadapan. Jika membawa kanak2 pegang-lah tangan mereka dan mereka hendak-lah berjalan di-sebelah dalam. Jangan menyeberang sa-hingga yakin selamat untuk berbuat demikian. Jangan menyeberang di-bekang kereta yang berhenti dan jangan berjalan bergandeng2 sa-hingga jauh ka-tengah jalan, tetapi berjalan-lah sa-orang2.

Kapada semua pengguna2 jalan raya, hati2-nya apabila menggunakan jalan raya. Bekerjasama-lah antara satu sama lain untuk mengelakkan kemalangan. Keselamatan jalan raya juga menjadi tanggung-jawab pengguna2 jalan2 raya sendiri.

Tayar yang tidak mempunyai 'tread' atau tidak berbunga seperti gambar atas ada-lah tidak sesuai lagi di-gunakan kerana mungkin ia-nya tidak dapat memberikan sistem brek yang berkesan.

SUSUNAN: AWANG ALIDIN OTHMAN

Memasang 'screen' di-bahagian cermin belakang ada-lah juga menjadi satu kesalahan.

Sa-kumpulan kanak2 sekolah dan orang ramai ketika menyerberangi sa-batang jalan raya yang sebek dengan di-kawal oleh sa-orang polis lalu lintas.



Membawa muatan melebihi dari had yang di-tentukan dan membawa penumpang seperti gambar kanan ada-lah menjadi satu kesalahan di-bawah peraturan lalu lintas.

Mempelabagalkan chorak ekonomi negara

BANDAR SERI BEGAWAN. — Awang Selamat bin Munap bagi pehak Pengerusi Jawatankuasa Kechil mengenai Perusahaan dan Perdagangan Rancangan Kemajuan Lima Tahun Negara telah menekankan betapa penting-nya peranan sektor persendirian dalam merumuskan Rancangan Kemajuan Negara.

Dalam satu mesyuarat jawatankuasa kechil itu yang berlangsung di-Bilik persidangan Jabatan Setia Usaha Kerajaan pada hari Sabtu lepas, Awang Selamat berkata, sa-bagai yang di-ranchangkan, maka tugas jawatankuasa kechil itu ia-lah untuk menyusun dan mengeluarkan rancangan kemajuan bagi perusahaan dan perdagangan sa-bagai lapangan2 yang dapat di-gerakkan dalam usaha kerajaan Duli Yang Maha Mulia untuk mengadakan peluang2 pekerjaan bagi lebih dari 7,000 orang buroh dalam masa lima tahun yang akan datang serta juga untuk mempelabagalkan lagi chorak ekonomi negeri ini.

Awang Selamat menekankan bahawa kemajuan perusahaan dan perdagangan pada pokok-nya ada-lah mempunyai hubungan dengan kemajuan sektor2 persendirian dan dari itu tugas utama jawatankuasa kechil tersebut ia-lah untuk menyusun dan mengeluarkan rancangan kemajuan bagi perusahaan dan perdagangan yang harus di-laksanakan oleh sektor persendirian.

Kata-nya rancangan bagi sektor2 persendirian menurut segi kerajaan ia-lah yang paling baik, sa-chara tidak langsung dalam pengertian untuk menyediakan kemudahan2 asas serta langkah2 dasar dan penyusunan yang perlu bagi kemajuan perusahaan dan perdagangan.

Bagi tugas-nya yang segera, jawatankuasa kechil itu bersedia mengadakan dialog dengan wakil2 sektor2 persendirian dan orang ramai.

Awang Selamat menyeru orang ramai supaya tampil ka-hadapan dan membincangkan shor2 mereka dengan Setia Usaha Jawatankuasa Kechil mengenai Perusahaan dan Perdagangan, Awang Chua Peng Siong di-Jabatan Setia Usaha Kerajaan Bahagian Ekonomi.

10,000 akan menyertai perarakan bagi merayakan Maulud

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kira2 10,000 orang umat Islam dari 63 buah pasokan yang mewakili persatuan2 belia dan kebajikan, kampung2, jabatan2 kerajaan, sekolah2 dan maktab2 akan mengambil bahagian dalam perarakan mengelilingi Bandar Seri Begawan bagi merayakan hari keputeraan Nabi Muhammad s.a.w. pada hari Ahad 15hb. April, 1973.

Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei akan berangkat kamajlis sambutan itu dan akan berkenan menyampaikan titah.

Sementara Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibol Himmah Wal-Waqar Muda Mohammad Bolkih akan di-junjong untuk mengepelai perarakan itu.

Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pg. Muda Sufri Bolkih akan menyampaikan siji2 kepada pasokan2 yang mengambil bahagian.

Pasokan2 yang mengambil bahagian akan berkumpul di-padang besar Bandar Seri Begawan pada pukul 7.00 pagi sa-belum bergerak mengelilingi bandar.

Perarakan itu akan melalui Jalan Elizabeth II, Jalan Stoney, Jalan Sum-biling Lama, Jalan Kumbang Pasang, Jalan Tasek Lama, Jalan Sungai Kiang-geh, Jalan Sultan, Jalan McArthur dan Jalan Chevalier.

Pasokan2 Pencharagam Pulis Diraja dan Askar Melayu Diraja Brunei akan ikut serta juga dalam perarakan sa-jauh dua batu itu.

Sambutan yang sama juga akan diadakan di-Daerah Belait, Tutong dan Temburong pada tarikh2 yang berasingan. Tutong di-jadualkan pada 23hb. April, 1973, di-Padang Bukit Bendera, Tutong, Temburong 28hb. April, 1973 di-padang Bangar Temburong dan Belait pada 29hb. April, 1973 di-padang KBRC.

Kerjasama dalam menjayakan pembinaan stadium timbul dari semangat ta'at setia raayat

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi Bahagian Perseorangan Derma Tabong Pembinaan Stadium Daerah Brunei dan Muara, Yang Di-Muliakan Pehin Orang Kaya Uda-

na Laila Dato Paduka Awang Hussain telah mengharapkan seluru-h raayat dan penduduk Brunei supaya terus menyumbangkan derma bakti mereka terhadap projek pembinaan stadium dari masa

ka-satu masa demi untuk kebajikan Negeri Brunei Darus-salam.

Beliau berucapa demikian ketika merasmikan tanyangan perdana filem 'The Warlord' di-Pangcong Hassanah Bolkih pada minggu lalu sa-bagai mengutip derma untuk tabong pembinaan stadium.

Yang Di-Muliakan Pehin Dato Paduka Awang Hussain menegaskan sambutan dan kerjasama yang telah di-berikan terhadap kejayaan pembinaan stadium itu tidak shak lagi timbul dari semangat ta'at setia raayat dan penduduk Brunei yang di-pusakai dari turun temurun.

Semangat demikian, kata-nya, mesti-lah di-pelihara, di-pupuk dengan subor-nya terutama dalam keadaan negara kita sedang melan-charkan Rancangan Pembangunan Lima Tahun yang baru.

Rancangan Pembangunan Lima Tahun yang baru itu melibatkan semua lapisan masyarakat sama ada sektor kerajaan mahu pun sektor swasta untuk mencapai matalamat2-nya.

Yang Di-Muliakan Pehin Orang Kaya Udana Laila Dato Paduka Awang Hussain sa-lanjut-nya mengharapkan semangat ta'at setia, de-dikasi kepada kerja sa-bagai satu bangsa ada-lah di-antara faktor2 utama untuk menjayakan projek pembinaan stadium atau Rancangan Pembangunan Lima Tahun yang baru dan lain2 projek yang di-usahkan oleh kerajaan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan.

Beliau berseru terutama kepada penduduk2 jati Negeri Brunei supaya mengubah sikap, amalan dan pandangan hidup mereka untuk di-sesuaikan dengan perkembangan2 dan matalamat2 baru negeri kita.

Akhir-nya beliau menguchapkan terima kasih kepada Pengurus Pangcong Hassanah Bolkih, Awang Kwek Bock Seong dan jawatankuasa2 yang menganjorkan tanyangan perdana filem itu.

JAWATAN-JAWATAN KOSONG

DI-JABATAN LETRIK

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalu2 yang berkelayakan untuk memenohi jawatan2 kosong yang berikut di-Jabatan Letrik, Brunei.

A. PEMBANTU

KEJURUTERAAN LETRIK: Kelayakan2 dan Pengalaman:

Mempunyai sekurang2-nya 5 tahun pengalaman dalam bahagian Pengguna/Pembahagian dengan sa-besuh Lembaga atau Jabatan Letrik, Kelulusan Intermediate City and Guilds Examination in Electrical Engineering ada-lah di-perlukan tetapi tidak mustahak. Pengalaman dalam hal-ehwal pentadbiran pejabat merupakan suatu kelebihan.

atau

Mempunyai sekurang2-nya 5 tahun pengalaman memperbaiki dan

memasang jentera2 tidak bergerak (saperti gas turbines, diesel plants) dan/atau mesti-lah boleh memperbaiki dan memasang semua jenis kenderaan termasuk-lah crane, low-loader dan tractor. Kelulusan Intermediate City and Guilds Examination in Mechanical Engineering ada-lah di-perlukan tetapi tidak mustahak.

Gaji:

Dalam sukatan gaji C. 2 — \$710x 30-890. Gaji permulaan bergantung kapada kelayakan2 dan pengalaman.

B. MERINYU

PEMASANGAN:

Kelayakan2 dan Pengalaman:

Mempunyai sekurang2-nya 10 tahun pengalaman dalam memasang

semua jenis kawat2 dan kelengkapan2 letrik dalam bangunan2 biasa dan bangunan2 perusahaan. Pemohon2 mesti-lah mempunyai pengetahuan baik mengenai peratoran2 I.E.E. yang berjalan sekarang serta mahir dalam kerja2 biasa pemasangan letrik. Mempunyai sijil sekolah pertungangan/teknikal merupakan suatu kelebihan. Mesti-lah mempunyai pengetahuan baik dalam bahasa Inggeris dan Melayu.

Gaji:

Dalam sukatan gaji C. 2 — \$710x 30-950. Gaji permulaan bergantung kapada kelayakan dan pengalaman.

Sharat2 Lantekan:

Chalu2 yang berjaya yang bukan raayat D.Y.M.M. Sultan Brunei akan di-lantek sa-chara berkontrek sa-lama 3 tahun termasuk masa perchubaaan sa-lama 6 bulan. Kontrek boleh di-baharui dengan persetujuan bersama. Bagi chalu2 yang berjaya yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantek ka-jabatan tetap sa-lepas satu tempoh perchubaaan.

Butir2 mengenai sharat2 perkhidmatan boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 aukan dan siji2 kapada-nya tidak lewat dari 28hb. April, 1979.

Permohonan2 mesti-lah di-penohkan di-dalam borang2 baharu yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 aukan dan siji2 kapada-nya tidak lewat dari 28hb. April, 1979.

Sa-bagai Penolong Jururawat Perchubaaan

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalu2 perempuan yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untuk di-lantek sa-bagai Penolong Jururawat2 Perchubaaan di-Jabatan Perubatan dan Kesihatan, Brunei.

Kelayakan2:

Pemohon2 mesti-lah bujang dan berumur 18 tahun ka-atas. Mereka mesti-lah lulus Tingkatan I Inggeris, atau Darjah VI Melayu.

Tingkatan Gaji:

Penolong Jururawat Perchubaaan dan Penolong Jururawat Terlatih: E. 1-2 EB 3 — \$220x10-290/EB/300x10-350.

Penolong Jururawat Kanan: D. 3 — \$410x20-510.

Ahuan:

Pakaian seragam akan di-beri perchuma. Tempat tinggal akan di-sediakan sa-masa dalam latehan. Sa-lain dari itu alauan makan sa-banyak \$35.00 sa-bulan di-bayar sa-masa dalam tempoh perchubaaan.

Tempoh Perchubaaan:

Tempoh perchubaaan biasa-nya ia-lah sa-lama 2 tahun.

Permohonan2 mesti-lah di-penohkan di-atas borang2 baharu yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan kapada-nya tidak lewat dari 28hb. April, 1973.

KENYATAAN2 PEGAWAI PENGUASA WARITH NEGERI BRUNEI

SURAT KUASA PESAKA

No. 1/1973.

Bahawa permohonan kepada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Ibrahim bin Adis, Kampong Batang Tuau, Temburong, Brunei kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang di-punyai oleh Adis bin Lani yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak kepada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 14 haribulan April, 1973, pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 2 haribulan April, 1973.

SURAT KUASA PESAKA

No. 26/1973.

Bahawa permohonan kepada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh A. Zulkifly bin Haji Omar Ali, No. 1469, Kampong Pintu Malim, Brunei kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang di-punyai oleh Haji Omar Ali bin Abdullah yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak kepada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 14 haribulan April, 1973, pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 2 haribulan April, 1973.

SURAT KUASA PESAKA

No. 28/1973.

Bahawa permohonan kepada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Md. Taha bin Asmat, Kampong Parit Pengkalan Batu, Brunei kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang di-punyai oleh Karong bte. Bakar yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah balu kepada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 14 haribulan April, 1973, pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 2 haribulan April, 1973.

SURAT KUASA PESAKA

No. 29/1973.

Bahawa permohonan kepada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Taishah bte. Idris, d/a Haji Abd. Latif Muhd., Radio Brunei, Bandar Seri Begawan, Brunei kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang di-punyai oleh Kamariah bte. Muhammad yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak kepada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 14 haribulan April, 1973, pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 2 haribulan April, 1973.

SURAT KUASA PESAKA

No. 31/1973.

Bahawa permohonan kepada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Ak. Ali bin Pg. Damit, No. 55, Kampong Sungai Kedayan 'A', Bandar Seri Begawan, Brunei kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang di-punyai oleh Pengiran Othman bin Pengiran Damit yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah adek kepada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 14 haribulan April, 1973, pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 2 haribulan April, 1973.

SURAT KUASA PESAKA

No. 32/1973.

Bahawa permohonan kepada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Dy. Besar bte. Abd. Ghani, No. 1, Kampong Kiulap, Bandar Seri Begawan, Brunei kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang di-punyai oleh Mohd. Tarif bin Haji Abdul Samad yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah balu kepada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 14 haribulan April, 1973, pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 2 haribulan April, 1973.

SURAT KUASA PESAKA

No. 34/1973.

Bahawa permohonan kepada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Haji Ibrahim bin Hj. M. Salleh, Kg. Setia Pahlawan, Bandar Seri Begawan, Brunei kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang di-punyai oleh Haji Salleh bin Kilong yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak kepada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 14 haribulan April, 1973, pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 2 haribulan April, 1973.

SURAT KUASA PESAKA

No. 35/1973.

Bahawa permohonan kepada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Momin bin Taham, No. 68, Kampong Tanah Jambu, Batu 6, Jalan Muara, Brunei kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang di-punyai oleh Taham bin Mohammad yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak kepada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 14 haribulan April, 1973, pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 2 haribulan April, 1973.

SURAT KUASA PESAKA

No. 37/1973.

Bahawa permohonan kepada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Jais bin Dato Kerna Haji Jaya, d/a Pejabat Bandaran, Bandar Seri Begawan, Brunei kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang di-punyai oleh Dato Kerna Haji Jaya bin Haji Bakar yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak kepada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 14 haribulan April, 1973, pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 2 haribulan April, 1973.

SURAT KUASA PESAKA

No. 38/1973.

Bahawa permohonan kepada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Awg. Md. Taib bin Awg. Yusof, d/a Pejabat Kewangan, Bandar Seri Begawan, Brunei kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang di-punyai oleh Awang Yusof bin Awg. Ajak yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak kepada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 14 haribulan April, 1973, pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 2 haribulan April, 1973.

SURAT KUASA PESAKA

No. 43/1973.

Bahawa permohonan kepada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Hajjah Salahah bte. Haji Ismail, No. 8, Bangunan Madrasah, Jalan Sumbiling, Bandar Seri Begawan, Brunei kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang di-punyai oleh Hajjah Besar binte Haji Bakar yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak kepada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 14 haribulan April, 1973, pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 2 haribulan April, 1973.

SURAT KUASA PESAKA

No. 41/1973.

Bahawa permohonan kepada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Dayang Palam bte. Jamaludin, Kampong Limau Manis, Brunei kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang di-punyai oleh Adi bin Nudin yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah balu kepada si-mati.


Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 14 haribulan April, 1973, pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 2 haribulan April, 1973.

CHARLIE FOO CHEE TUNG,
Pegawai Penguasa Warith,
Negeri Brunei.



DULI Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei sedang di-ziarahi oleh penduduk2 Kampung Putat yang telah mengahutungkan keberangkatan Baginda ka-kampung tersebut (gambar atas)

Kampung Putat ada-lah salah sa-buah kampung yang di-lawati oleh Duli Yang Maha Mulia dalam siri lawatan Baginda ka-tiga buah kampung di-Daerah Brunei dan Muara untuk meninjau sa-chara dekat keadaan penduduk2 di-kampung2 tersebut pada hari Khamis lepas.

Dua buah kampung yang di-lawati Baginda ia-lah Kampung2 Kasat dan Menunggul.

Dalam lawatan itu Duli Yang Maha Mulia juga telah melawat sekolah2 dan mesjid di-kampung2 tersebut.

Turut menyertai Duli Yang Maha Mulia dalam lawatan itu ia-lah Y.T.M. Seri Paduka Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibol Himmah Wal-Waqar Muda Mohammad Bokiah; Y.T.M. Seri Paduka Duli Pengiran Muda Jefri Bokiah; Pemerintah AMBD; Pegawai Daerah Brunei-Muara; Y.A.M. Pengiran Sanggamara Diraja; Y.D.M. Pehin Orang Kaya Asgar Diraja; Major Dato Mohamad dan Penolong Pegawai Daerah Brunei-Muara.

Tenaga manusia yg dinamik

(Dari muka 1)

yang baru yang sedang giat di-sediakan pada masa ini, ada-lah bermatlamat utama untuk mengahutungkan pekerjaan2 kepada lepasan2 sekolah yang sa-makin meningkat jumlah-nya beliau percaya bahawa dengan ada-nya ranchangan latehan2 dan langkah2 yang sesuai yang akan di-adakan oleh ranchangan itu nanti maka pemuda-pemudi lepasan sekolah pada masa akan datang di-negeri ini juga akan merupakan satu kumpulan tenaga manusia yang dinamik dan produktif untuk mendukung dan menjayakan matlamat2 yang di-hajati.

Awang Selamat penoh percaya bahawa memandang kepada peringkat pelajaran yang mereka peroleh, mereka juga akan dapat menyesuaikan diri dengan peralihan zaman dan akan bergiat di-sesuai perengkat pembangunan negara terutama-nya di-sektor persendirian dan bukan-nya di-sektor kerajaan semata2.

Dengan ada-nya sikap yang baru itu maka akan tercapai-lah chita2 kita untuk membentuk sa-buah masyarakat yang kukuh dan bersatu padu serta makmor tanpa mengira rupa bangsa atau asal

Kesihatan penduduk2 luar bandar akan di-ambl perhatian berat

BANDAR SERI BEGAWAN. — Projek2 perumahan, kesihatan, kebersehan dan bekalan2 ayer untuk orang ramai di-negeri ini akan sentiasa di-berikan perhatian yang khas di-bawah Ranchangan Kemajuan Negara yang baru. Ini telah di-nyatakan dalam mesuarat Jawatankuasa Kechil Perumahan, Kesihatan, Kebersehan dan Bekalan Ayer di-bilik persidangan Jabatan Setia Usaha Kerajaan di-Bandar Seri Begawan pada hari Isnin lalu.

Pengerusi jawatankuasa kechil itu, Yang Berhormat Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Talib bin Derwish berkata bahawa ranchangan2 perumahan akan sentiasa terletak di-bawah pengawasan kerajaan walau pun mungkin sa-tengah2 nya nanti di-laksanakan oleh sektor persendirian di-bawah Ranchangan Kemajuan Negara yang baru itu. Ini ia-lah supaya projek2 perumahan dalam kawasan2 bandar, luar bandar dan kampung2 dapat di-lancarkan dengan ter-ator sesuai dengan beberapa pro-

jek yang lain di-bawah ranchangan kemajuan negara yang baru itu nanti.

Mesuarat itu juga memberi perhatian berat kepada ranchangan2 kesihatan dalam kawasan2 bandar, luar bandar dan kampung2 pendalaman bagi mendirikan lagi hospital2 dan klinik2 serta berusaha menambah kaki-tangan2 perubatan dan kesihatan yang lebih baik dan lebih sempurna kepada orang ramai.

Yang Berhormat Dato Seri Laila Jasa Awg. Haji Talib berharap menjelang siap-nya nanti projek bekalan ayer yang sedang di-selenggarakan oleh kerajaan sekarang ini kita tidak mahu lagi melihat orang ramai kekurangan bekalan ayer. Di-mana2 kawasan yang tidak terliat oleh projek bekalan ayer sekarang ini katanya, shor2 dan chadangan2 patutlah di-fikirkan untuk mencari dan menyiasat sumber2 yang lain lagi untuk memberikan bekalan2 ayer ka-kawasan2 itu.

Berhubung dengan soal kesihatan dan kebersehan dalam Bandar Seri Begawan, Yang Berhormat itu telah menarek perhatian ahli2 jawatankuasa untuk memikirkan usaha2 yang akan datang bagi memperbaiki dan menjaga kebersehan Sungai Kianggeh yang mengalir di-tengah2 Bandar Ibu Negara juga memperluaskan lagi ranchangan saloran najis.

Menambah kemakmoran negeri

(Dari muka 1)

kan hendak-lah menurut haluan yang sehat yang sama2 kita tuju.

Bertitah mengenai LNG. itu, Baginda berharap semoga pembinaan kilang yang sungoh besar dan sempurna itu akan menandakan pula kejayaan pemerlang dalam usaha pengeluaran-nya pada masa2 yang akan datang dan akan membawa kemakmoran yang bertambah2 kepada negeri ini.

Baginda yakin bahawa kejayaan perusahaan besar seperti itu akan memberikan kesan yang besar paras-nya pada

MENGUJUDKAN SISTEM PERHUBONGAN YANG MEMUASKAN

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sistem Pengangkutan dan perhubungan yang sedang berjalan sekarang ini di-Brunei akan di-kaji sa-chara lebih mendalam untuk mengujudkan suatu sistem yang lebih meluas dan sesuai dengan perkembangan negara.

Perkara ini telah di-jadikan tajok utama dalam mesuarat Jawatankuasa Kechil Pengangkutan, Tenaga dan Perhubungan yang berlangsung di-Bilik Persidangan Jabatan Setia Usaha Kerajaan pada hari Isnin.

Pengerusi Jawatankuasa itu, Awang Zakaria bin Dato Manawangsa Haji Suraiman menyatakan bahawa ada-nya perlu di-adakan pengusahaan yang lebih serius terhadap sistem pengangkutan dan perhubungan yang ada sekarang.

bagi mengendalikannya ranchangan kemajuan negara yang baru itu nanti, Awang Zakaria yakin yang ranchangan itu akan dapat berjalan dengan lancar dengan adanya sistem pengangkutan dan perhubungan yang cnepat dan memuaskan.

Daam sidang-nya, jawatankuasa itu telah memutuskan untuk menjalankan pengkajian2 yang teliti terhadap perkhidmatan2 talipon, khas-nya perkhidmatan ka-luar negeri; perkhidmatan pos, khas-nya perkhidmatan dalam negeri; perkhidmatan perhubungan udara dan laut serta sistem jalan raya.

Jawatankuasa itu juga memutuskan untuk memperbaiki sistem pengangkutan bas private dari Bandar Seri Begawan ka-Kuala Belait dan kemungkinan mengadakan perkhidmatan bas di-sekitar Bandar Seri Begawan serta perkhidmatan pengangkutan laut yang chepat antara Pelabohan Muara dan Labuan dan dengan pelabohan2 kechil yang berdekatan dengan Brunei.

Jawatankuasa itu telah mengambil keputusan untuk meminta pejabat2 yang berkenaan seperti Talikom, Letrik, Laut, Kenderaan Darat, Penerbangan Awam dan Kerja Raya supaya menghantar laporan2 dan chadangan2 untuk memperbaiki perkhidmatan2 pengangkutan, tenaga dan perhubungan itu.

Jawatankuasa itu juga bersedia menerima chadangan2 dari orang ramai dan semua chadangan2 mengenai pengangkutan, tenaga dan perhubungan itu hendak-lah di-kemukakan kepada Setia Usaha Jawatankuasa Kechil itu, Pengiran Sani bin Pengiran Ahmad di-Jabatan Kerja Raya, Bandar Seri Begawan.

usaha2 pembangunan Kerajaan dan memperkukuhkan lagi kedudukan ekonomi negara. Titah Baginda, perkara ini juga akan dapat mempertingkatkan lagi taraf kehidupan rakyat serta menentukan penerusan suasana keselamatan dan ketenteraman dalam negeri.

Baginda bertitah bahawa Sharikat Gas Asli Chechair yang besar itu barang sudah tentu memainkan peranan yang sesuai dengan chita2 negara yang mendukung-nya ia itu Brunei.

(Titah Baginda sapenoh-nya di-siarkan di-muka 2).